

22/08/2000

Umno dan pembelaan nasib bangsa

Zakaria Abd Wahab

SESUNGGUHNYA Umno dan bangsa Melayu adalah sesuatu yang sinonim. Tanpa Melayu tiadalah Umno. Perjuangan yang dilakukan oleh satu badan politik yang mewakili ketuanan Melayu dalam abad ke-20 ini, sewajarnya diberi suatu penghormatan yang tinggi.

Dalam sejarah Melayu tidak pernah menyatakan bangsa Melayu mempunyai suatu pertubuhan yang dijadikan sebagai tempat pembelaan nasib negara dan bangsa ketika itu. Ketika itu sultan yang memerintahlah yang menjadi penaung kepada bangsa Melayu di Melaka.

Walaupun Melaka pernah lahir sebagai sebuah pusat perdagangan dan ketamadunan bangsa Melayu di rantau Asia, namun kemajuan yang dinikmati ketika itu belum mampu untuk membentuk satu kesatuan yang benar-benar mampu membela nasib bangsa.

Berganjak melalui perubahan zaman, manusia semakin terdedah kepada pelbagai cabaran hidup, sekali gus memaksa kita mempunyai satu pertubuhan yang mewakili bangsa yang mendiami negara ini.

Kelahiran Umno pada 1946 dilihat sebagai wadah kepada perjuangan bangsa Melayu sejak dahulu. Jika diimbangi peranan yang dimainkan oleh Umno, sesungguhnya sukar untuk kita menafikan kemampuannya dalam memartabatkan bangsa yang diwakilinya.

Umno berubah mengikut peredaran zaman. Jika dulu, Umno menjadi nadi penentangan penjajah sama ada ketika zaman British dan Malayan Union, namun kini Umno masih lagi menjadi benteng kepada kemakmuran Malaysia.

Ketika zaman penjajahan, pemimpin Umno benar-benar berjuang untuk kepentingan nusa dan bangsa. Tanpa adanya Umno pada ketika itu, sudah pasti bangsa Melayu tidak mampu untuk mendapatkan kemerdekaan, begitu juga dengan bangsa lain yang ada di Malaysia ketika itu. Ini kerana dengan adanya satu badan politik yang menjadi wakil kepada rakyat, sudah pasti asas perjuangan akan lebih bermakna dan mendapat sokongan padu.

Zaman mula berubah daripada fungsi kemerdekaan dan kebebasan bernegara sendiri, kini Umno lahir dalam satu dimensi era globalisasi, yang memerlukan tahap kemampuan dan kredibiliti yang tinggi bagi setiap pemimpin yang mewakili setiap rakyat yang memilih mereka.

Dalam era persaingan, Umno menjadi benar-benar matang dalam memastikan rakyat Malaysia benar-benar mampu bersaing dengan bangsa yang lain. Pada suatu ketika dahulu, di awal perjuangan bangsa Malaysia, Umno menjadi nadi penggerak kepada keinginan rakyat.

Walaupun agak terbatas, namun kemampuan Umno yang dipimpin oleh pemimpin yang terdahulu mampu melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

Tradisi kecemerlangan Umno terus dikekalkan. Kejayaan Umno memperolehi kemerdekaan Tanah Melayu daripada pihak British, membuka mata dunia terhadap kemampuan satu parti politik baru di Tanah Melayu ketika itu.

Walaupun sudah lebih 50 tahun Umno berada dalam sanubari anak Malaysia, kesetiaan yang diberikan oleh rakyat tidak berbelah-bahagi walaupun Umno sering dilanda badai politik.

Namun, kekentalan pemimpinnnya mampu meneruskan misi dan visi perjuangan untuk Umno kini terus menjadi sebuah parti yang benar-benar ampuh jika dibandingkan dengan parti lain.

Kemajuan yang dinikmati Malaysia hari ini adalah hasil perjuangan Umno yang diwakili oleh pemimpin berkaliiber.

Jika dilihat daripada kemajuan yang dialami oleh Malaysia, ia adalah atas daya usaha yang dilakukan oleh Umno.

Dalam menempuh era teknologi maklumat (IT) dan globalisasi, Umno sekali lagi memainkan peranan penting dalam memastikan serangan perubahan tersebut dapat ditampung dengan daya ketahanan jati diri yang sebenar.

Sebagai rakyat Malaysia, seharusnya kita berasa bangga dan bertuah kerana mempunyai satu parti politik yang benar-benar mampu membawa perubahan dalam pelbagai dimensi yang seiringan dengan perubahan masa.

Umno menjadi satu tonggak kepada negara, khususnya kepada orang Melayu di dalam menilai jati diri dan kemampuan anak Melayu mentadbir negara yang kian membangun.

Seharusnya kita sebagai rakyat Malaysia memegang kepada prinsip dan pepatah Melayu yang berbunyi 'bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat'.

Berdasarkan konsep pemuafakatan dalam politik, ia perlulah diamalkan oleh mereka yang dilantik dan juga rakyat yang diwakili oleh individu berkenaan.

Tanpa adanya permuafakatan dalam politik, khususnya di kalangan pemimpin Umno, sudah pasti kejayaan yang kita miliki hari ini akan lebur seperti mana yang berlaku kepada kota Melaka sekitar abad ke-15.

Mahukah kita sebagai rakyat yang merdeka dijajah kembali oleh bangsa lain? Jangan jadikan medan politik sebagai satu landasan yang boleh mengeruhkan suasana kedamaian yang kita nikmati masa kini.

Apa yang sering kali diperkatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, haruslah difikirkan dengan minda yang besar. Perlu diingat, sebagai negara yang mengamalkan sistem demokrasi, tidak mustahil kepemimpinan negara diwarisi oleh bukan Melayu.

Sebarang perpecahan yang berlaku di dalam Umno, haruslah dielakkan demi maruah bangsa.

Prestasi Umno sejak dulu tidak pernah mengecewakan rakyat. Segala pembaharuan yang dilakukan sememangnya bersesuaian dengan keinginan rakyat yang mahukan pembaharuan - baik dari segi ekonomi, sosial dan politik itu sendiri.

Hari ini siapa sangka kita mampu berdiri sama tegak, duduk sama rendah dengan negara yang terdahulu lebih maju daripada kita.

Jika kita bandingkan dengan Malaysia 40 tahun dahulu, tentu mereka yang masih hidup sehingga hari ini tidak akan terlintas dengan kenikmatan yang kita miliki kini.

Jika dulu ekonomi negara dimonopoli oleh bangsa bukan Melayu, maka hari ini jurang perbezaan semakin mengecil dengan lahirnya anak Melayu yang semakin hari semakin gah di mata dunia.

Seharusnya kita mengembalikan keagungan bangsa kita, sebagaimana sejarah kota Melaka membuktikan suatu masa dahulu bahawa bangsa Melayu cukup terkenal sebagai bangsa pedagang.

Bujur lalu melintang patah, Umno terus bangkit dalam mewakili rakyat. Segala pergolakan dalam kancah politik tanah air dapat ditempuhi dengan tenang dan penuh ilmunan.

Bukan mudah untuk Umno terus hidup dalam sanubari rakyat kerana parti ini seharusnya bersaing dengan pelbagai parti politik semasa yang lain.

Jatuh bangun perjuangan Umno sememangnya terletak di atas bahu pemimpinnya. Segala halangan, tohmahan, kritikan dan bermacam lagi rintangan dapat dihadapi oleh Umno.

Dalam merealisasikan misi dan visi negara, Umno terus memerah keringat untuk memastikan masa depan negara tidak bergantung pada orang luar. Kedewasaan Umno dalam kancah politik telah menukar corak rupa Malaysia pada masa kini.

Justeru, pemimpin Umno yang menjadi nadi kepada kebangkitan, perlulah peka terhadap segala keperluan yang diingini oleh rakyat hari ini.

Kealpaan pemimpin Umno boleh menjadi nila yang mampu merosakkan susu

sebelanga. Segala pemasalahan dalam rumah tangga Umno, perlulah ditangani dengan sifat persaudaraan dan rasa tanggungjawab.

Ikatan ukhuwah yang terbina sejak dahulu jangan diruntuhkan. Sejarah membuktikan bagaimana Melaka jatuh ke tangan Portugis disebabkan hilangnya nilai murni sebagai bangsa Melayu ketika itu.

Kesilapan silam adalah sebagai panduan kepada perjuangan seterusnya untuk Umno. Buanglah yang keruh dan ambil yang jernih dalam memartabatkan bangsa di mata dunia.